

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

These Terms & Conditions are intended to be read together with the Product Disclosure Sheet (PDS) for Savings Account-i / Current Account-i (*Tawarruq*) ("CASA *Tawarruq*"), pamphlets, brochures or any other relevant terms and conditions issued by BMMB ("**the Bank**") which may be imposed from time to time according to the specific types of accounts opened by the Customer. Any accounts opened and any operations on CASA *Tawarruq* made shall be subject to and governed by the Terms & Conditions mentioned below:

**1. DEFINITIONS**

1.1 "*Account(s) or CASA Tawarruq*" means the Customer(s)' account or accounts with the Bank and shall include any other new Savings Account-i or Current Account-i (*Tawarruq*) accounts which may be offered by the Bank from time to time under *Tawarruq* concept. The products shall be governed by this Terms & Conditions.

"*Actual Profit*" refers to the accrued profit computed at the EPR and which shall be credited to the customer's account on periodic basis as part settlement of the Sale Price.

"*Agent*" means BMMB which shall be appointed by the Customer(s) to do such acts on behalf of the Customer(s) under the Shariah principle of *Wakalah* in matters pertaining to *Tawarruq* in accordance to the rules herein.

"*BMMB or the Bank*" means Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] and includes its branches and its successor-in-title and assigns.

"*BNM*" means Bank Negara Malaysia.

"*Ceiling Profit*" refers to the ceiling profit computed at the CPR and which constitutes the profit component of the Sale Price.

"*Ceiling Profit Rate (CPR)*" refers to rate used to compute the Ceiling Profit.

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca dengan Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i (*Tawarruq*) ("ASAS *Tawarruq*"), pamphlet, brosur atau mana-mana terma dan syarat yang dikeluarkan oleh pihak BMMB ("**Bank**") yang boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis tertentu akaun-akaun yang dibuka oleh Pelanggan. Mana-mana akaun yang dibuka dan setiap operasi yang dibuat ke atas ASAS *Tawarruq* ini adalah tertakluk sepenuhnya oleh Terma & Syarat yang dinyatakan di bawah:

**1. DEFINISI**

1.1 "*Akaun atau ASAS Tawarruq*" bermaksud akaun Pelanggan atau akaun bersama BMMB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i (*Tawarruq*) baharu yang akan ditawarkan dari semasa ke semasa di bawah konsep *Tawarruq*. Produk ini adalah tertakluk kepada Terma & Syarat.

"*Keuntungan Sebenar*" merujuk kepada keuntungan terakru yang dikira pada KKE dan yang hendaklah dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan secara berkala sebagai sebahagian penyelesaian Harga Jualan.

"*Ejen*" bermaksud pihak BMMB yang akan dilantik oleh Pelanggan untuk melaksanakan semua tindakan tertentu bagi Pelanggan di bawah prinsip Syariah *Wakalah* dalam perkara-perkara berhubung dengan *Tawarruq* selaras dengan syarat-syarat di dalam Terma & Syarat ini.

"*BMMB atau Bank*" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

"*BNM*" bermaksud Bank Negara Malaysia.

"*Keuntungan Bumbung*" merujuk kepada keuntungan bumbung yang dikira pada KKB dan merupakan komponen keuntungan Harga Jualan.

"*Kadar Keuntungan Bumbung (KKB)*" merujuk kepada kadar yang digunakan untuk mengira Keuntungan Bumbung.

**Applicable for Savings Account-i / Current Account-i (*Tawarruq*)  
Protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor**

**Terpakai untuk Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i (*Tawarruq*)  
Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit**



**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

**"Commodity"** refers to any Shariah compliant Asset such as crude palm oil ("CPO"), Plastic Resin-Polyethylene ("PE"), RBD Palm Olein ("OLN") or asset approved by Shariah Committee from time.

**"Commodity Platform"** is a commodity platform that provides services for Tawarruq transactions.

**"Commodity Trading"** means sale and purchase transactions performed in accordance to the Shariah principle of Tawarruq.

**"Current Date"** means day when the transaction/even occurred.

**"Customer"** means the account holder(s) such as individuals and non-individuals comprising business entities; ie. partnership, sole-proprietorship, societies, clubs, corporations, associations, and cooperatives and shall include the heirs, administrators, personal representatives and successor-in-title unless specified otherwise in these Terms & Conditions or by BMMB from time to time.

**"Daily Net Deposit"** refers to EOD balances of each accountholder or Customer on any single day, excluding floats and represents only the positive difference of the daily deposit minus daily withdrawal.

**"Delivery of Commodity"** means delivery of the Commodity to the Customer who has requested to take physical possession of the Commodity.

**"Effective Profit Rate (EPR)"** means the actual profit rate used to compute the profit accrual and profit crediting.

**"End of Day (EOD)"** refers to cut off time of end of day at 2359 hours.

**"Force Majeure"** refers to any event in which the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control as per item 38 hereunder.

**"Hamish Jiddiyah"** refers to a security deposit ("SD") placed to secure the undertaking to purchase an asset before execution of sale and purchase agreement contract. Under CASA Tawarruq, the SD will be placed by the Bank in order to secure an undertaking to purchase the Commodity from Customer.

**"MACC"** means Malaysian Anti-Corruption Commission.

**"Komoditi"** merujuk kepada mana-mana aset patuh syariah seperti Minyak Sawit Mentah ("MSM"), Resin Plastik-Polyethylene ("PE") atau olein sawit RBD ("OLN") atau aset yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dari semasa ke semasa.

**"Platform Komoditi"** adalah platform komoditi yang menyediakan perkhidmatan bagi transaksi Tawarruq.

**"Dagangan Komoditi"** bermaksud transaksi jual beli selaras dengan prinsip-prinsip Syariah Tawarruq.

**"Tarikh Semasa"** bermaksud hari di mana transaksi/peristiwa berlaku.

**"Pelanggan"** bermaksud pemegang akaun seperti individu dan bukan individu yang terdiri daripada entiti-entiti perniagaan, iaitu perkongsian, milikan tunggal, persatuan, kelab, pertubuhan, institusi dan koperasi dan hendaklah termasuk waris-waris, pentadbir-pentadbir, wakil-wakil peribadi dan pengganti hak milik melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Terma & Syarat ini atau oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

**"Deposit Bersih Harian"** merujuk kepada baki PH setiap pemegang akaun atau Pelanggan pada mana-mana hari, tidak termasuk apungan dan hanya mewakili perbezaan positif deposit harian tolak pengeluaran harian.

**"Penyerahan Komoditi"** bermaksud penyerahan Komoditi kepada Pelanggan yang telah memohon untuk mengambil pemilikan fizikal Komoditi.

**"Kadar Keuntungan Efektif (KKE)"** bermaksud kadar keuntungan sebenar yang digunakan untuk mengira akruan keuntungan dan pengkreditan keuntungan.

**"Penghujung Hari (PH)"** merujuk kepada masa tamat penghujung hari pada jam 2359.

**"Force Majeure"** merujuk kepada sebarang keadaan di mana pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini sepertimana yang dijelaskan menurut item 38 di bawah ini.

**"Hamish Jiddiyah"** merujuk kepada deposit sekuriti ("DS") yang diletakkan untuk menjamin akuanji untuk membeli aset sebelum perlaksanaan kontrak perjanjian jual beli. Di bawah ASAS Tawarruq, DS yang diletakkan oleh pihak Bank adalah untuk menjamin akuanji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.

**"SPRM"** bermaksud Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

**"Maturity Date"** refers to 31<sup>st</sup> December of that year upon which the Sale Transaction is executed.

**"Tarikh Matang"** merujuk kepada hari terakhir tahun semasa (iaitu 31 Dis) atau semasa penutupan/penamatkan Akaun sebelum 31 Dis tahun semasa dan ini dianggap sebagai penyelesaian baki harga jualan bagi tempoh semasa.

**"MEPS"** means Malaysia Electronic Payment System.

**"MEPS"** bermaksud Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia.

**"Murabahah"** refers to a sale and purchase of an asset where the acquisition cost and the mark-up are disclosed to the purchaser.

**"Murabahah"** merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin dinyatakan kepada pembeli.

**"Personal Identification Number (PIN)"** means a number code assigned by the Bank or determined by the Customer to enable the Customer to avail to certain services related to the usage of Debit card.

**"Nombor Pengenal Peribadi (PIN)"** bermaksud kod nombor yang ditetapkan oleh Bank atau ditentukan oleh Pelanggan bagi membolehkan Pelanggan memperolehi sesetengah perkhidmatan yang berkaitan dengan penggunaan Kad Debit.

**"Profit Crediting Day"** refers to the day when the total accrued profit is paid and credited into the Customer's Account as part settlement of the Sale Price.

**"Hari Pengkreditan Keuntungan"** merujuk kepada hari di mana jumlah keuntungan terakru dibayar dan dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan sebagai sebahagian penyelesaian Harga Jualan.

**"Purchase Date"** refers to the trading day for each *Tawarruq* transaction and on which the Commodity Platform is open for trading.

**"Tarikh Belian"** merujuk kepada hari dagangan bagi setiap transaksi *Tawarruq* dan Platform Komoditi yang dibuka untuk dagangan.

**"Purchase Price"** refers to an amount equivalent to the Daily Net Deposit and/or Total Outstanding Balance which will be used to purchase the Commodity on Trading Day.

**"Harga Belian"** merujuk kepada amaun yang bersamaan dengan Deposit Bersih Harian dan/atau Jumlah Baki yang mana akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Tarikh Belian.

**"Purchase Transaction"** is when the Customer purchases the Commodity (via the Bank acting as their agent) from a supplier at the Purchase Price.

**"Transaksi Belian"** adalah apabila Pelanggan membeli Komoditi (melalui Bank bertindak sebagai ejen mereka) daripada pembekal pada Harga Belian.

**"Rebate"** refers to 'waiver on rights of claim' accorded by a person to another person that has an obligation which is due to him/her. Under this product, the rebate is granted by the Customer to the Bank on the Sale Price at the Maturity Date or Termination Date as referred in Clause 8 herein.

**"Rebat"** merujuk kepada 'pengecualian hak tuntutan' yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajipan yang harus diberi. Di bawah produk ini, rebat yang diberikan oleh Pelanggan kepada pihak Bank ke atas Harga Jualan adalah pada Tarikh Matang atau Tarikh Penamatkan seperti yang dirujuk di Fasal 8 di sini.

**"Remaining Days"** refers to remaining number of days from the current date up to Maturity Date of the Sale Price.

**"Baki Hari"** merujuk kepada bilangan baki hari daripada tarikh semasa sehingga Tarikh Matang Harga Jualan tersebut.

**"Terms & Conditions"** means the rules and regulations set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by the Bank with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply.

**"Terma & Syarat"** bermaksud syarat dan peraturan yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Bank beserta notis hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya digunakan.

**"Sale Price"** means the sum payable by the Bank to acquire the asset from the Customer on Murabahah basis which consist of the Purchase Price (Daily Net Deposit and/or Total Outstanding Balance) and profit based on the CPR.

**"Harga Jualan"** merujuk kepada sejumlah amaun yang perlu dibayar oleh pihak Bank untuk memiliki aset daripada Pelanggan berdasarkan Murabahah yang terdiri daripada Harga Belian

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)

(Deposit Bersih Harian dan/atau Jumlah Baki) dan keuntungan berdasarkan kepada KKB.

**"Sale Transaction"** is when the Customer sells the Commodity (via the Bank acting as their agent) to the Bank at the Sale Price.

**"Tawarruq"** consists of two sale and purchase contracts where the first involves the sale of an asset to a purchaser on a deferred basis and the subsequent sale involves sale of the asset to a third party on a cash basis. In this product, the Customer will purchase the Commodity at Purchase Price from a supplier and thereafter, sell the Commodity to the Bank at Sale Price on the basis of *Murabahah* which shall be paid to the Customer at the Maturity Date (after taking into consideration any rebates, if any). The Bank shall thereafter sell the Commodity to a third party on cash basis. The cash shall be treated as deposit placement from the Customer.

**"Termination Date"** is the date the Customer terminates the Account and withdraws the entire outstanding balance.

**"Total Outstanding Balance"** is the prior year outstanding balance as at 31<sup>st</sup> December (of the prior year) that shall be used for the computation of Sale Price at each new year.

**"Trading Day"** refers to the days where Commodity Trading is executed from Monday to Friday except public holidays of Federal Territory (FT).

**"Trust Account"** means an account opened and maintained by a depositor such as legal guardian(s) or parents or business entities acting as trustee for the Customer. Example, Solicitors' Client Account.

**"Wa`d"**, literally, a promise or undertaking, refers to an expression of commitment given by one party to another to perform certain action(s) in future.

**"Wakalah"** means a contract in which a party (*muwakkil*) authorises another party as his agents (*wakil*) to perform a particular task, in matters that may be delegated, either voluntarily or with imposition of fee.

**"Zakat on Savings"** is a total of 2.5% withdrawn from the equivalent of or more than 85 grams of gold (for example *nisab*) which is obliged to be performed by qualified Muslims, provided that the savings are sufficient *nisab* and the period (for example *haul*) as prescribed by zakat terms (for example *syarak*). The savings account includes the money deposited in the savings

"Transaksi Jualan" adalah apabila Pelanggan menjual Komoditi (melalui Bank bertindak sebagai ejen) kepada pihak Bank pada Harga Jualan.

"Tawarruq" terdiri daripada dua jual beli kontrak di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli secara tertunda dan jualan berikutnya melibatkan penjualan aset tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Dalam produk ini, Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada Tarikh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat, jika ada). Pihak Bank kemudiannya menjual Komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai perletakan deposit daripada Pelanggan.

"Tarikh Penamatkan" adalah tarikh Pelanggan menamatkan Akaun tersebut dan mengeluarkan kesemua baki.

"Jumlah Baki" merujuk kepada jumlah baki sedia ada pada hari terakhir tahun sebelumnya (31 Dis).

"Hari Dagangan" merujuk kepada hari di mana Dagangan Komoditi dilaksanakan daripada Isnin hingga Jumaat kecuali hari kelepasan am Wilayah Persekutuan (WP).

"Akaun Amanah" bermaksud akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh pendeposit seperti penjaga yang sah atau ibubapa atau entiti perniagaan yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi Pelanggan. Contoh, Akaun Pelanggan Guaman.

"Wa`d", secara literal, adalah janji atau akuanji, merujuk kepada ungkapan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melakukan tindakan tertentu pada masa akan datang.

"Wakalah" bermaksud suatu kontrak di mana satu pihak (*muwakkil*) memberi kebenaran kepada pihak yang lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela atau dengan fi.

"Zakat Wang Simpanan" ialah sejumlah 2.5% yang dikeluarkan daripada wang simpanan yang bersamaan atau melebihi 85 gram emas (*nisab*) yang wajib dikeluarkan zakat keatasnya oleh orang Islam yang berkelayakan, dengan syarat bahawa wang simpanan tersebut telah cukup *nisab* dan tempoh (*haul*)nya seperti yang ditetapkan Syarak. Wang simpanan tersebut adalah termasuk wang yang disimpan di dalam akaun simpanan, akaun simpanan

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

account, term deposit account, current account, and other forms of savings maintained at the bank or any financial institution.

berjangka tetap, akaun simpanan semasa, dan bentuk-bentuk simpanan yang lain di bank atau mana-mana institusi kewangan.

**2. ACCOUNT OPENING**

2.1 An application to open an account must be made in person or by authorised representative of business entities customers using the forms provided by the Bank and subject to the Bank's requirement, such as age requirement, minimum deposit, references and supporting documents acceptable to the Bank. The Bank may vary such requirement(s) from time to time.

**2. PEMBUKAAN AKAUN**

2.2 Subject to the Shariah principles, the opening, operation and closure of the Account(s) will be at the discretion of the Bank and the Bank reserves the right to refuse any application to open any Account(s) by giving reasonable reason if the opening of Account(s) violates any rules and regulations by Bank Negara Malaysia and/or other authority, law enforced upon the Bank.

Permohonan untuk membuka Akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberi kuasa oleh Pelanggan entiti-entiti perniagaan menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat pihak Bank, seperti umur, deposit minimum, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat-syarat tersebut dari masa ke semasa.

2.3 The Customer shall make a declaration and acceptance that the Customer shall be bound by the following:

2.2 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dan pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun dengan mengemukakan sebab yang munasabah jika permohonan tersebut melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.

Pelanggan hendaklah membuat pengisytiharan dan penerimaan bahawa Pelanggan akan terikat dengan:

- (a) Terms & Conditions of the account;
- (b) Regulations or directives by Bank Negara Malaysia; and
- (c) Laws of Malaysia.

- (a) Terma & Syarat Akaun;
- (b) Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan
- (c) Undang-undang Malaysia.

2.4 Customer(s) hereby give their consent to the Bank to deal with the whole or any part of any monies standing to the credit of their Account(s) in situations where the *Tawarruq* is executed later than the date the deposits are accepted from the Customer(s) and that the reasons for the delay are due to necessary and unavoidable incidental circumstances (*tabi'*).

2.4 Pelanggan hendaklah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk berurusan serta menggunakan keseluruhan atau mana-mana bahagian kredit Akaun mereka dalam situasi di mana *Tawarruq* dilaksanakan lewat daripada tarikh deposit yang diterima daripada Pelanggan dan sebab-sebab kelewatan adalah disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan (*tabi'*).

**3. DEPOSIT AND WITHDRAWALS (SAVINGS ACCOUNT)**

**3. DEPOSIT DAN PENGELOUARAN (AKAUN SIMPANAN)**

3.1 The Customer agrees and covenant that every deposit shall be accompanied by a prescribed deposit slip, form and/or receipt issued by the Bank and by production of any other documents by the Customer that may be required by the Bank. A receipt issued by the Bank is only valid if it is machine validated and/or acknowledgement by the Bank is provided to the Customer before the Customer leaves the premises of the Bank.

3.1 Pelanggan bersetuju dan berw�d bahawa setiap deposit hendaklah disertai slip deposit yang ditetapkan, borang dan/atau resit yang dikeluarkan oleh Bank dan mengemukakan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika disahkan oleh mesin dan/atau melalui arahan lisan, diakui oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dan/atau oleh Pelanggan. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa pengesahan atau pengakuan ini dilakukan sebelum meninggalkan premis Bank.

3.2 The Customer agrees that any withdrawals made from the Customer Savings Accounts should be made: -

3.2 Pelanggan bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran yang dibuat daripada Akaun Simpanan Pelanggan hendaklah dibuat: -

- (a) by the Customer personally and shall be accompanied by the prescribed withdrawal slip or any form issued by

- (a) oleh Pelanggan dan hendaklah disertai slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

the Bank and/or presentation of the passbook and may be subject to such production of proof of identity as the Bank may require; and/or

- (b) through the Automated Teller Machines ("ATM"). The Customer hereby further agrees that any withdrawals via the ATM shall be in accordance with the terms and conditions applicable to the ATM as determined by the Bank.
  - (c) by the Customer personally whether by way of oral or otherwise and/or signed instruction notwithstanding that the instruction document(s) may not have been completed by the Customer to withdraw any or all the money in any of the Customer Banking Accounts. Upon depositing and/or withdrawing the money, the Customer agrees that the transaction effected based on the Customer oral instructions which are duly acknowledged by the Customer by way of the Customer's signature shall be deemed final and conclusive.
- 3.3 The Customer further agrees that all cheques and instrument(s) deposited, or any transfer(s) whether by mail, telegraphically or electronically are accepted for collection only and except by special arrangement, may not be withdrawn until the proceeds have been received by the Bank. The Bank is entitled to refuse collection of cheques and deposit instruments which in the Bank's opinion are irregular or which have been altered in any way notwithstanding that the alteration has been countersigned by the Customer.

- 3.4 The Customer agrees that in addition to these Terms and Conditions, the Customer shall be further bound by the conditions printed on the Savings Account passbook or leaflets containing the terms and conditions or brochures or on the back of the deposit slips attached to the cheque deposit envelopes and/or on receipts issued by cash or cheque deposit machines authorised by the Bank and such other Specific Terms which may be imposed by the Bank from time to time with twenty one (21) days notice prior to date of implementation.

#### **4. CONDUCT OF ACCOUNT**

- 4.1 The customer agrees and must ensure that conduct of the account shall not contravene with the Shariah principles.
- 4.2 The Customer or Trustee (where applicable) may withdraw or deposits the money over the Bank's counter, internet banking and any other terminal channel of the automated facilities such as Automated Teller Machine ("ATM"), Cash Deposit Machine ("CDM") or Cheque Deposit Terminal ("CDT") at any time, subject to the Bank's operating hours.

oleh Bank dan/atau pengemukaan buku simpanan dan mungkin dikehendaki menunjukkan bukti pengenalan diri seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank; dan/atau

- (b) melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM"). Pelanggan dengan ini selanjutnya bersetuju bahawa apa-apa pengeluaran melalui ATM hendaklah menurut terma dan syarat yang terpakai untuk ATM seperti yang ditentukan oleh Bank.
- (c) oleh Pelanggan sama ada melalui arahan lisan atau selainnya dan/atau ditandatangani walaupun dokumen itu mungkin tidak dilengkapskan oleh Pelanggan untuk mengeluarkan apa-apa atau semua wang dalam mana-mana Akaun Perbankan Pelanggan. Selepas mendeposit dan/atau mengeluarkan wang, Pelanggan bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan berdasarkan arahan lisan Pelanggan yang diakui sewajarnya oleh Pelanggan melalui tandatangan Pelanggan hendaklah dianggap muktamad.

3.3 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa semua cek dan instrumen yang didepositkan, atau apa-apa pindahan sama ada melalui mel, melalui telegram atau elektronik diterima untuk pungutan hanya dan kecuali dengan pengaturan khas, tidak boleh dikeluarkan sehingga prosid telah diterima oleh Bank. Bank berhak menolak pungutan cek dan instrumen deposit yang pada pendapat Bank tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh Pelanggan.

3.4 Pelanggan bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat ini, Pelanggan terikat selanjutnya dengan syarat yang tercatak pada buku simpanan Akaun Simpanan Pelanggan atau risalah yang mengandungi terma dan syarat atau brosur atau di bahagian belakang slip deposit yang dilampirkan pada sampul deposit cek dan/atau pada resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai atau mesin deposit cek yang dibenarkan oleh Bank dan Terma Khas lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan.

#### **4. PENGENDALIAN AKAUN**

- 4.1 Pelanggan bersetuju dan mestilah memastikan bahawa pengendalian akaun tidak akan bercanggah dengan prinsip Syariah.
- 4.2 Pelanggan atau Pemegang Amanah (yang mana berkenaan) boleh mengeluarkan atau mendeposit wang di kaunter Bank, perbankan internet dan mana-mana saluran terminal kemudahan automatik seperti Mesin Teler Automatik ("ATM"), Mesin Deposit Tunai ("CDM") dan Terminal Deposit Cek ("CDT") pada bila-bila masa, tertakluk kepada waktu operasi Bank.

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

- |  |  |
|--|--|
| <p>4.3 The Bank shall issue a deposit slip to the Customer when depositing cheques or monies. The Customer is responsible to fill in the relevant information onto the deposit slip correctly before depositing cheques or monies. The counterfoil will be either bear computer validation or endorsed by authorised officer of the Bank. The Customer is to ensure that the counterfoil bears the above endorsement before leaving the Bank's premises. Counterfoils are only valid as an acknowledgement of the receipt if they bear such endorsement.</p> | <p>4.3 Pihak Bank akan mengeluarkan slip deposit kepada Pelanggan apabila memasukkan wang tunai atau cek. Pelanggan hendaklah memastikan segala butir-butir yang dikehendaki diisi dengan betul sebelum memasukkan cek atau wang tunai. Bukti urusan pada salinan pendua sama ada dengan pengesahan komputer atau disahkan oleh pegawai Bank yang bertugas. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa salinan pendua tersebut mempunyai pengesahan sebelum meninggalkan premis Bank. Salinan pendua hanya sah sebagai penerimaan resit sekiranya mempunyai pengesahan seperti yang dinyatakan.</p> |
| <p>4.4 As a condition of withdrawal from the Account over the Bank's counter, the Customer is required to be present personally at the Bank and provide the Bank with identification or information as proof of identity, together with the passbook (if applicable) and/or the Customer's signature on certain withdrawal documents signed in the presence of the Bank's personnel. Third party withdrawal is not permitted by the Bank.</p>  | <p>4.4 Sebagai syarat pengeluaran dari Akaun di kaunter Bank, Pelanggan hendaklah menghadirkan diri ke cawangan Bank dan menyediakan Bank dengan pengenalan atau mакlumat sebagai bukti pengenalan, dengan mengemukakan buku simpanan (jika berkenaan) dan/atau tandatangan Pelanggan pada sesetengah dokumen pengeluaran yang telah ditandatangani di hadapan kakitangan Bank. Pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.</p>   |
| <p>4.5 The minimum amount for a deposit or a withdrawal through ATM is Ringgit Malaysia Ten (RM10) and CDM is Ringgit Malaysia Ten (RM10) while over-the-counter is Ringgit Malaysia One (RM1) and the minimum balance of Ringgit Malaysia Ten (RM10) must remain in the Account.</p>  | <p>4.5 Jumlah minimum untuk deposit atau pengeluaran melalui ATM Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan CDM adalah Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), manakala urusan melalui kaunter adalah Ringgit Malaysia Satu (RM1) dan baki minimum yang perlu dikenalkan di dalam akaun adalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10).</p>   |
| <p>4.6 The Customer must ensure sufficient balance is maintained in the Account for any cheque drawn.</p>  | <p>4.6 Pelanggan hendaklah memastikan baki yang secukupnya dikenalkan di dalam Akaun bagi cek yang dikeluarkan.</p>  |
| <p>4.7 Inter branch withdrawals may be made by the Customer personally at the Bank's branches in Malaysia on the presentation of the passbook (if applicable) and proof of identity.</p>   | <p>4.7 Pengeluaran antara cawangan boleh dibuat oleh Pelanggan sendiri di cawangan Bank seluruh Malaysia dengan mengemukakan buku simpanan (jika berkenaan) dan bukti pengenalan diri.</p>   |
| <p>4.8 The Customer acknowledges that all applications for outward remittances such as RENTAS, MEPS Interbank GIRO, demands drafts, cashier's orders are subject to the Bank's daily cut-off times and all charges will be debited to the relevant Customer's Account.</p>   | <p>4.8 Pelanggan mengakui bahawa kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar seperti RENTAS, MEPS Interbank GIRO, deraf permintaan, perintah juruwang (cashier's order) adalah tertakluk kepada waktu batas harian Bank dan kesemua caj akan didebitkan ke akaun Pelanggan yang berkenaan.</p>  |
| <p>4.9 The Account can be closed upon request by the Customer. The Customer must come to the holding/home branch personally or alternatively, the Bank may also be notified in writing on the presentation of relevant documents proof of identity. <i>The process for current account closure shall take effect thirty (30) days upon notification received by the Bank ("the Effective Period of the Account Closure"). The Effective Period of the Account Closure, however, shall only applicable for non-individual customers.</i></p>                  | <p>4.9 Akaun boleh ditutup atas permintaan Pelanggan. Pelanggan hendaklah menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama atau secara alternatif, menghubungi pihak Bank dengan secara bertulis dengan menyertakan dokumen-dokumen pengenalan diri yang berkenaan sebagai bukti. <i>Proses penutupan akaun semasa akan dilaksanakan pada hari ke-tiga puluh (30) setelah notifikasi diterima oleh pihak Bank ("Tempoh Berkuatkuasa Penutupan Akaun"). Syarat tempoh berkuatkuasa penutupan akaun ini hanya diguna pakai untuk Pelanggan bukan individu.</i></p>                                   |
| <p>4.10 In the event that if the Customer is unable to be present at holding/home branch, a letter of authorisation to be signed by the</p>  | <p>4.10 Sekiranya Pelanggan tidak dapat menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama, Pelanggan boleh menghantar Surat Kebenaran</p>   |

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

authorised signatory to close the Account can be posted to holding/home branch.

- 4.11 The Bank reserves the right to immediately close any of the Account that falling under the following situations (where applicable):
- (a) Upon receiving written request from the Customer;
  - (b) Upon result search with CTOS and internal negative list is confirmed that the Customer is bankrupt, or blacklisted;
  - (c) Upon discretion of the Bank after giving due notice to the Customer; or
  - (d) Upon directive by the approved authorities or upon violation of any rules and regulations by Bank Negara Malaysia and/or other authority, law enforced to the Bank.
- 4.12 The Customer must keep the Debit Card and cheque book in the Customer's possession under lock and key at all times. The Bank will assume no responsibility nor will it be liable for any loss incurred by the Customer if through the Customer negligences, an unauthorised person obtains the Debit Card or cheque book for any fraudulent withdrawals from the Customer's Account as a result of such loss.
- 4.13 The Customer shall pay a service charge of Ringgit Malaysia Twenty (RM20) or any amount equivalent to the balance in his/her Account, whichever is lower if his/her Account is closed within three (3) months from the date of opening.
- 4.11 Pihak Bank mempunyai hak untuk menutup mana-mana Akaun serta-merta yang termasuk di bawah keadaan seperti berikut:
- (a) Atas permintaan bertulis daripada Pelanggan;
  - (b) Atas hasil carian dengan CTOS dan senarai negatif dalaman mengesahkan bahawa Pelanggan telah muflis atau disenarai-hitamkan;
  - (c) Atas budi bicara pihak Bank selepas memberi notis yang sewajarnya kepada Pelanggan; atau
  - (d) Atas arahan oleh pihak berkuasa yang diluluskan atau melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 4.12 Pelanggan mestilah menyimpan sendiri Kad Debit dan buku cek dengan cermat dan selamat oleh kerana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pelanggan, jika tersabit dengan kecualian Pelanggan, orang yang tidak diberi kuasa memperolehi Kad Debit atau buku cek bagi penipuan pengeluaran daripada Akaun Pelanggan akibat kehilangan tersebut.
- 4.13 Pelanggan dikehendaki membayar caj perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) ataupun bersamaan dengan jumlah baki di dalam Akaun, yang mana lebih rendah sekiranya Akaun tersebut ditutup dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh pembukaan.
- 5. AGREEMENT ON APPOINTMENT AS AN AGENT**
- 5.1 The Customer (acting as the "Principal") agrees to appoint the Bank (acting as the "Agent") and the Bank agrees to accept the appointment as an agent of the Customer to do and execute all acts for the purchase the Commodity at Purchase Dates in accordance with these Terms & Conditions by submitting a duly completed application form.
- 5.2 The Customer also authorises the Bank to conclude the sale of the Commodity on behalf of the Customer subsequent to the purchase of such Commodity.
- 5.3 The Customer will sell the Commodity to the Bank and the Bank will buy the Commodity at the Sale Price.
- 5.4 The Bank will only act as an agent (buy and sell the Commodity) to the Customer for the specific provisions made in this Terms & Conditions and will not assume, or be deemed to have assumed,
- 5. PERSETUJUAN PERLANTIKAN SEBAGAI WAKIL**
- 5.1 Pelanggan (bertindak sebagai "Prinsipal") bersetuju untuk melantik pihak Bank (bertindak sebagai "Ejen") dan pihak Bank bersetuju untuk menerima perlantikan sebagai wakil kepada Pelanggan untuk menjalankan sebarang tugas bagi pembelian Komoditi pada Tarikh Pembelian tertakluk kepada Hari Dagangan mengikut Terma & Syarat ini dengan mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
- 5.2 Pelanggan juga memberi kuasa kepada pihak Bank untuk memuktamadkan jualan Komoditi bagi Pelanggan selepas pembelian Komoditi tersebut.
- 5.3 Pelanggan akan menjual Komoditi kepada pihak Bank dan pihak Bank akan membeli Komoditi tersebut pada Harga Jualan.
- 5.4 Pihak Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) kepada Pelanggan bagi peruntukan-peruntukan tertentu yang telah ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

- |  |   |
|--|---|
| <p>any additional obligations to, or to have any special relationship with the Customer.</p> <p>5.5 The Bank will, in performing its obligation in buying and selling of Commodity, look after the best interest of the Customer and act in good faith.</p> <p>5.6 The Customer indemnifies the Bank on its first demand against all losses, claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses whatsoever claimed by any party and/or incurred or sustained by the Bank as a result on the purchase of commodity under any transaction hereunder as agent of the Customer or a breach by the Customer of any of him/her/their obligation herein unless such losses claims, actions, proceedings, damage, costs and expenses is attributable to the wilful misconduct, gross negligence or fraud of the Bank.</p> <p>5.7 The Bank shall not be obliged to enter into any transaction or follow any instruction by the Customer, if in the opinion by entering into such a transaction, the Bank and its affiliate will expose to breach of any law, policy, rule or regulation.</p> <p>5.8 The appointment as an agent shall be terminated upon the death of the Customer, dissolution, loss of legal capacity of the principal or full withdrawal whereby, the Sale Price shall be accelerated and the Bank shall pay the outstanding Sale Price such as deposit amount and any accrued profit (if applicable), taking into consideration the applicable rebate, if any, to the Customer on the Termination Date.</p> | <p>apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.</p> <p>5.5 Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual Komoditi, menjaga kepentingan Pelanggan dan menjalankan tanggungjawab secara suci hati.</p> <p>5.6 Pelanggan melindungi pihak Bank atas permintaan pertamanya terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh pihak Bank akibat pembelian komoditi di bawah transaksi di sini sebagai ejen bagi Pelanggan atau perlenggaran oleh Pelanggan terhadap apa-apa tanggungjawab mereka di sini melainkan jika kerugian atau liabiliti tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan dan kecuaian melampau oleh pihak Bank.</p> <p>5.7 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk masuksi sebarang transaksi atau mengikut sebarang arahan daripada Pelanggan, jika pada pendapatnya dengan masuksi transaksi tersebut, pihak Bank dan gabungannya akan terdedah kepada mana-mana perlenggaran undang-undang, dasar, syarat atau peraturan.</p> <p>5.8 Perlantikan sebagai ejen akan ditamatkan selepas kematian Pelanggan atau pengeluaran penuh berlaku di mana, Harga Jualan akan dipercepatkan dan pihak Bank hendaklah membayar baki Harga Jualan iaitu amaun deposit dan sebarang keuntungan terakru (jika ada), dengan mengambil kira sebarang rebat, jika ada, kepada Pelanggan pada Tarikh Penamatan.</p> |
| <p><b>6. COMMODITY TRANSACTION</b></p> <p>6.1 As the agent of the Customer, the Bank shall enter into the Purchase Transaction as determined by the Bank as follows:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) The Bank shall enter into a <i>Tawarruq</i> transaction on the Trading Day which falls on next business day following the deposit placement date, subject to the Daily Net Deposit amount.</li> <li>(b) The Bank shall enter into a Tawarruq transaction on the Trading Day which falls on the next business day of each New Year on the Total Outstanding Balance.</li> </ul> <p>6.2 The Sale Price shall be computed based on the following formula:</p> $\text{Sales Price} = \text{Purchase Price} + \text{Ceiling Profit}$  |   |
| <p><b>6. TRANSAKSI KOMODITI</b></p> <p>6.1 Sebagai ejen Pelanggan, pihak Bank hendaklah masuksi Transaksi Pembelian seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pihak Bank hendaklah masuksi transaksi Tawarruq pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari perniagaan berikutnya selepas tarikh kemasukan deposit, tertakluk kepada amaun Deposit Bersih Harian.</li> <li>b) Pihak Bank hendaklah masuksi transaksi Tawarruq pada Hari Dagangan yang jatuh pada hari perniagaan berikutnya pada setiap tahun baharu pada Jumlah Baki.</li> </ul> <p>6.2 Harga Jualan adalah dikira berdasarkan formula berikut:</p> $\text{Harga Jualan} = \text{Harga Belian} + \text{Keuntungan Bumbung}$  |   |

**TERMS AND CONDITIONS SAVINGS ACCOUNT-i / CURRENT ACCOUNT-i (TAWARRUQ)**  
*(Protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM 250,000 for each depositor)*

**TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i / AKAUN SEMASA-i (TAWARRUQ)**

*(Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM 250,000 bagi setiap pendeposit)*

6.3 The Sale Price shall be deferred to two cashflow streams:

- (a) Principal portion such as deposit amount shall be paid on the Maturity Date such as December 31 (and subsequent years);
- (b) Actual Profit shall be paid every month. However, the current account which is linked to Muamalat Cashline-i (MCash) Facility, the available credit balance shall not be eligible for any profit payment from the Bank. The actual profit rate shall be based on the EPR as per formula below:

$$\text{Actual Profit} = \frac{\text{EOD Balance}}{} \times \text{EPR} \times \frac{\text{No. of Days}}{365 \text{ or } 366}$$

6.4 The Ceiling Profit shall be computed based on the following formula:

$$\text{Ceiling Profit} = \frac{\text{Purchase Price}}{} \times \text{CPR} \times \frac{\text{Remaining Days}}{365 \text{ or } 366}$$

